



**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

SIARAN MEDIA

**MEMPERKASAKAN PERSAINGAN
MELALUI KAJIAN SEMULA PASARAN**

KUALA LUMPUR, 9 Januari 2018 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menyiarkan dua laporan kajian semula pasaran di bawah Akta Persaingan 2010 (AP 2010) mengenai sektor farmaseutikal dan bahan binaan dalam industri pembinaan di laman sesawang MyCC. Dua laporan itu telah dimuktamadkan setelah mengambil kira pandangan dan maklum balas yang diterima daripada pihak berkepentingan dan orang awam.

Kedua-dua sektor itu telah dipilih berdasarkan analisis awal tentang keadaan pasaran di Malaysia dan negara-negara lain yang terdedah dengan kebarangkalian yang tinggi berlakunya amalan antipersaingan seperti kartel dan penyalahgunaan kuasa dominan yang memberi kesan kepada pengeluaran dan penyediaan barang-barang atau perkhidmatan yang penting seterusnya mengakibatkan kenaikan kos sara hidup serta menjejaskan faedah sosial para pengguna.



UNTUK SIARAN SEGERA MEJA BERITA/EKONOMI

Kajian semula pasaran sektor farmaseutikal yang telah dijalankan oleh MyCC memberi tumpuan kepada ubat-ubatan terkawal dalam dua peringkat rantai bekalan iaitu pengilang ubat-ubatan generik serta pengimport ubat-ubatan baru dan generik di peringkat pertama dan pemborong serta pengedar ubat-ubatan baru dan generik di peringkat kedua.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Dato' Abu Samah Bin Shabudin berkata, "Walaupun akses kepada ubat-ubatan tidak ditangani melalui undang-undang persaingan pada awalnya, keadaan ini sudah mula berubah. Pihak-pihak berkuasa persaingan di negara-negara lain telah pun memainkan peranan masing-masing yang sangat besar dalam mengguna pakai undang-undang persaingan bagi memperbaiki keadaan harga dan ketersediaan ubat-ubatan dalam pasaran."

Kajian semula pasaran bahan binaan dalam industri pembinaan pula dijalankan kerana kebimbangan mengenai kenaikan kos sara hidup dan kekurangan rumah mampu milik di Malaysia. Oleh itu, kajian semula pasaran ini memberi tumpuan kepada empat bahan binaan iaitu keluli, simen, konkrit bancuh siap dan pasir yang menyumbang hampir 60% daripada anggaran nilai lapan jenis bahan binaan utama yang digunakan pada tahun 2016. Dapatan kajian mendapati bahawa keempat-empat bahan binaan tersebut bukanlah faktor utama yang mempengaruhi peningkatan harga rumah di Malaysia.

Laporan akhir untuk kedua-dua kajian semula pasaran tersebut boleh didapati di laman sesawang MyCC di www.mycc.gov.my.



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

--tamat--

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noorliza Abdul Latiff, Tel +603 2273 2277 (ext 111),

Email: noorliza@mycc.gov.my

Bahagian Hal Ehwal Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan. Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penaltipenalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.

UNTUK SIARAN SEGERA MEJA BERITA/EKONOMI

ANNEXE A

Nota Pengarang:

Maklumat mengenai Seksyen 4, 10, 11 dan 12 Akta Persaingan 2010. Maklumat lanjut mengenai dua kajian semula pasaran seperti di bawah.

Seksyen 4: Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang

4. (1) Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.
- (2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk—
- (b) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;
 - (c) berkongsi pasaran atau punca berkaitan;
 - (d) membataskan atau mengawal—
 - (i) pengeluaran;
 - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
 - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau

UNTUK SIARAN SEGERA MEJA BERITA/EKONOMI

(iv) pelaburan; atau

(d) melakukan tipuan bida, disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

(3) Mana-mana perusahaan yang merupakan suatu pihak kepada suatu perjanjian yang dilarang di bawah seksyen ini adalah bertanggung bagi pelanggaran larangan itu.

Seksyen 10: Penyalahgunaan kedudukan dominan dilarang

10.(1) Suatu perusahaan dilarang untuk terlibat, sama ada secara sendirian atau kolektif, dalam apa-apa perlakuan yang berupa suatu penyalahgunaan kedudukan dominan dalam mana-mana pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu penyalahgunaan kedudukan dominan boleh termasuk—

(a) secara langsung atau tidak langsung mengenakan harga belian atau jualan yang tidak adil atau syarat perdagangan lain yang tidak adil ke atas pembekal atau pelanggan;

(b) membataskan atau mengawal—

(i) pengeluaran;

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

- (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
 - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
 - (iv) pelaburan, sehingga memudaratkan pengguna;
- (c) enggan untuk membekalkan kepada suatu perusahaan atau kumpulan atau kategori perusahaan tertentu;
- (d) mengenakan syarat yang berlainan kepada transaksi yang setara dengan pihak perdagangan yang lain ke suatu takat yang boleh—
- (i) tidak menggalakkan kemasukan baru ke dalam pasaran atau pengembangan atau pelaburan oleh pesaing yang sedia ada;
 - (ii) memaksa keluar dari pasaran atau selainnya merosakkan secara serius seorang pesaing yang sedia ada yang tidak kurang cekapnya berbanding dengan perusahaan dalam kedudukan dominan itu; atau
 - (iii) memudaratkan persaingan dalam apa-apa pasaran yang disertai oleh perusahaan yang dominan itu atau dalam apa-apa pasaran hiliran atau hulu;
- (e) menjadikan pengikatan kontrak tertakluk kepada penerimaan oleh pihak lain akan syarat tambahan yang

UNTUK SIARAN SEGERA MEJA BERITA/EKONOMI

atas sifatnya atau menurut kegunaan komersial tidak mempunyai kaitan dengan hal perkara kontrak itu;

- (f) berkelakuan seakan pemangsa terhadap pesaing; atau
 - (g) membeli barangan perantaraan atau sumber yang terhad bekalannya yang dikehendaki oleh seorang pesaing, dalam hal keadaan yang perusahaan dalam kedudukan dominan itu tidak mempunyai justifikasi komersial yang munasabah untuk membeli barangan perantaraan atau sumber itu untuk memenuhi keperluannya sendiri.
- (3) Seksyen ini tidak melarang suatu perusahaan yang dalam kedudukan dominan daripada mengambil apa-apa langkah yang mempunyai justifikasi komersial yang munasabah atau merupakan suatu respons komersial yang munasabah kepada kemasukan ke dalam pasaran atau perlakuan pasaran seorang pesaing.
- (4) Hakikat bahawa bahagian pasaran mana-mana perusahaan adalah mengatasi atau di bawah apa-apa peringkat tertentu tidak dengan sendirinya boleh dianggap sebagai konklusif tentang sama ada perusahaan itu berada, atau tidak berada, pada suatu kedudukan dominan dalam pasaran itu.

Seksyen 11: Kuasa untuk menjalankan kajian semula pasaran

UNTUK SIARAN SEGERA MEJA BERITA/EKONOMI

11.(1) Suruhanjaya boleh, atas inisiatifnya sendiri atau atas permintaan Menteri, menjalankan suatu kajian semula terhadap mana-mana pasaran untuk menentukan sama ada apa-apa ciri atau gabungan ciri pasaran itu menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran.

(2) Kajian semula itu termasuklah kajian mengenai—

(a) struktur pasaran yang berkenaan;

(b) perlakuan perusahaan dalam pasaran;

(c) perlakuan pembekal dan pelanggan kepada perusahaan dalam pasaran; atau

(d) apa-apa perkara lain yang berkaitan.

Seksyen 12: Keputusan kajian semula pasaran

12.(1) Apabila selesai kajian semula pasaran itu, Suruhanjaya hendaklah menyiarkan laporan dapatan dan syornya.

(2) Laporan Suruhanjaya itu hendaklah dijadikan tersedia kepada orang awam.

UNTUK SIARAN SEGERA MEJA BERITA/EKONOMI

Maklumat tambahan mengenai dua Kajian Semula Pasaran

1. Skop kajian semula pasaran farmaseutikal adalah seperti berikut:

i. Gambaran keseluruhan sektor farmaseutikal

1. Pertumbuhan keseluruhan sektor
2. Import, eksport dan imbalan dagangan
3. Struktur pasaran dan rangkaian bekalan
4. Undang-undang dan peraturan-peraturan sedia ada

ii. Profil pemain industri dan pengilang ubat generik di Malaysia

iii. Tahap persaingan dalam sektor farmaseutikal

1. Bahagian pasaran dan konsentrasi pasaran
2. Pemain industri teratas di Malaysia
3. Penguasaan pasaran dan impaknya kepada ekonomi

iv. Isu-isu persaingan dalam sektor farmaseutikal

1. Perlakuan antipersaingan (Contohnya, kartel atau penyalahgunaan kedudukan dominan) di kalangan pemain industri
2. Keperolehan terhadap ubat-ubatan di Malaysia
3. Mana-mana dasar atau undang-undang yang menghalang persaingan dalam sektor ini

v. Kesimpulan dan Cadangan

UNTUK SIARAN SEGERA MEJA BERITA/EKONOMI

2. Skop kajian semula pasaran mengenai bahan binaan dalam industri pembinaan adalah seperti berikut:

- i. Gambaran keseluruhan berkenaan undang-undang dan peraturan-peraturan sedia ada yang berkaitan dengan tahap import, eksport, pembuatan dan pengedaran.
- ii. Gambaran keseluruhan struktur pasaran dan rantaian bekalan.
- iii. Profil pemain industri yang terlibat dalam pengilangan dan pengedaran.
- iv. Mengenal pasti harga di seluruh peringkat pengilangan dan pengedaran tempatan.
- v. Persaingan dalam peringkat pengilangan, pengedaran dan runcit mengenai aspek berikut:
 - (a) Bahagian pasaran dan konsentrasi pasaran
 - (b) Penguasaan pasaran dan kesannya kepada sektor ini
- vi. Isu-isu persaingan dalam peringkat pengilangan, pengedaran dan runcit berhubung dengan:
 - (a) Perlakuan antipersaingan (Contohnya, kartel atau penyalahgunaan kedudukan dominan) di kalangan pemain industri
 - (b) Mana-mana dasar atau undang-undang yang menghalang persaingan dalam industri
- vii. Cadangan dan kesimpulan